Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

15,000 sambut Musa di Pahang

●DATUK Musa Hitam bersalaman dan beramah mesra dengan rakyat Pahang dari segenap lapisan masyarakat yang menunggu ketibaannya di Lapanganterbang Kuantan, semalam.

Timbalan Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya, Datin Maria, bersalaman dengan sebahagian 15,000 orang yang hadir di lapanganterbang itu.

Turut menyambutnya ialah Menteri Besar, Datuk Haji Abdul Rashid Rahman, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak dan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri.

Di sebelah petangnya, Datuk Musa dan Datin Maria mengadap Pemangku Raja Pahang dan menghadiri jamuan teh di Istana Mahkota.

Esok, beliau akan menaiki bot melawat Kampung Tanjung Lumpur sebelum melawat Projek TERAMU — iaitu rancangan pemindahan kampung nelayan. — Gambar Berita Harian oleh Ruhanie Haji Ahmad.